



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِوَالِ الْاِخْوَالِ الْاِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاھِ

**KHUTBAH JUMAAT
PERTAMA DAN KEDUA**

17 JAMADILAWAL 1445H/ 01 DISEMBER 2023M

AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 29/11/2023

PEGAWAI PENYEMAK :

AFIQ BIN AJHAR
PEGAWAI PENCERAMAH
BAHAGIAN DAKWAH
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 29/11/2023

DIBACA PADA : 01/12/2023

DILULUSKAN OLEH :

ADAM BIN ABDUL HAJI
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ (ال عمران
(72:16)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Seterusnya kita mohon perlindungan kepada Allah dari keburukan-keburukan nafsu kita dan dari akibat buruk perilaku kita. Barangsiapa yang telah diberikan petunjuk oleh Allah kepadanya tidak ada yang dapat menyesatkannya, dan siapa yang telah disesatkan, tidak ada yang dapat memberikannya petunjuk kecuali Allah SWT. Yakinlah bahawa janji Allah itu pasti kepada hambanya yang bertakwa seterusnya selamat dan Berjaya di dunia serta di akhirat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”* (QS Ali-‘Imraan, ayat 102)

Pada hari yang mulia ini, mimbar ingin mengajak sidang hadirin sekalian, marilah kita Bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **“Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah berasal dari pada dua perkataan iaitu “Ahli Sunnah” dan “al-Jamaah” yang memberi maksud golongan yang mengikuti pegangan Nabi Muhammad SAW atau mengikuti jalan hidup Baginda dan para sahabat, terutamanya para khulafa’ al-Rasyidin yang dididik oleh Baginda Nabi SAW. Ajaran ahli Sunnah Wal Jamaah meliputi ajaran-ajaran Islam mengenai akidah, syariah dan akhlak yang dibawa semenjak zaman Nabi SAW serta para sahabat Baginda. Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini diambil dan dirumus oleh ulama berdasarkan riwayat hadith daripada Abdullah bin Amr Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah berpecah Bani Israil kepada tujuh puluh dua kelompok. Manakala umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga kelompok, dimana kesemuanya akan ke neraka kecuali satu kelompok Sahaja. Mereka bertanya, siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab, mereka adalah golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para sahabatku.” (HR Ibnu Majah)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sejak kedatangan Islam di Alam Melayu, umat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Sabah telah menerima dan mengamalkan agama Islam berasaskan pendekatan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hakikat ini menjadikan Rantau ini paling seragam dan istikrar dalam pegangan akidah. Firman Allah SWT dalam surah Ali-'Imraan ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً
فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم
مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Yang bermaksud: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.”*

Akidah adalah asset yang paling berharga, pendekatan Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan satu-satunya pendekatan yang menjamin keutuhan dan kelangsungan umat. Kelahiran dan perkembangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini adalah memenuhi tuntutan zaman dan manhaj yang sederhana dan realistic yang masih tetap relevan bagi menghadapi simpang siur kemelut pemikiran moden masa kini, yang mana ajaran-ajaran lain disifatkan sebagai ajaran yang keliru, menyeleweng dan mempunyai kecenderungan yang jauh daripada ajaran yang berasaskan al-Quran dan as-Sunnah.

Antara ciri-ciri pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah;

1. Berpegang dan mentafsirkan hukum-hukum Islam berdasarkan kepada sumber utama iaitu al-Quran, Sunnah Nabi SAW, Ijma' Ulama, Qias tanpa menolak atau mengurangkan salah satu darinya.
2. Berpegang kepada ajaran Islam yang meliputi perkara iman yakni akidah dan Islam yang syarak dan ihsan yakni akhlak.
3. Berpegang kepada al-Quran yang dihimpunkan oleh para sahabat serta berpegang kepada as-Sunnah terutamanya hadith-hadith yang dihimpunkan oleh imam-imam hadith seperti Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Tirmidzi, Imam Nasa'ie. Imam Ibnu Majah dan imam-imam lain yang diiktiraf.
4. Percaya bahawa para sahabat semuanya bersikap benar dan adil tanpa mengkufurkan salah seorang daripada mereka.
5. Tidak mengkafirkan saudara se-Islam dengan mudah kecuali dengan pertimbangan Ilmu atau hujjah yang kuat dan sikap yang adil.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN!

Mengapa kita perlu pertahankan pegangan sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah? Untuk membunuh pokok, racunlah akarnya. Untuk membunuh bangsa, racunlah sejarahnya. Untuk membunuh negara cukup dengan meracun fikiran masyarakat terutamanya golongan anak muda. Manakala untuk membunuh agama, cukup hanya meracun akidah dan pegangannya. Maka mimbar ingin mengajak sidang jumaat sekalian, berpeganglah kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini kerana Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan aliran yang berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Baginda Nabi SAW adalah asas beragama dari segi akidah, syariah dan akhlak. Manakala dalam memahami tuntutan kedua ini, pandangan ulama juga sangat diambil kira menerusi Ijma' dan Qiyas,

yang kesemuanya mempunyai teras dan metodologinya sendiri. Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak meletakkan logik akal sebagai teras utama semata-mata, bahkan ia dijadikan sandaran kuat kepada keempat-empat sumber iaitu al-Quran, Hadith, Ijma' dan Qiyas. Oleh yang demikian, aliran ini sangat bertepatan dalam memahami dan menghayati Islam sepenuhnya. Khususnya pada masyarakat Islam di Sabah dan di Malaysia secara amnya agar akidah akidah dan ibadah kita sempurna di sisi Allah SWT.

Sebarang usaha memmasukkan ajaran dan fahaman yang tidak bertepatan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan di luar kebiasaan atau adat masyarakat dianggap sebagai usaha untuk menjauhkan masyarakat daripada jalan lurus menuju kepada Allah SWT dengan memecah-belahkan dan memporak-perandakan pemikiran dan keharmonian sesebuah negara. Jangan sesekali kita mudah diperkotak-katikkan, teguhkan pegangan dan jati diri Islam melalui pemahaman maksud sebenar ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan menghadiri majlis-majlis ilmu dan menuntut ilmu dikalangan ulama' yang muktabar. Tambahan pula menuntut ilmu merupakan satu kewajipan bagi setiap umat Islam, sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: *"Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap muslim."* (HR. Ibnu Majah)

Dalam meniti arus kemodenan ini, pelbagai sumber rujukan yang mampu kita perolehi hanya dengan menggunakan hujung jari. Senantiasalah berwaspada pada fahaman dan ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Marilah kita bersama-sama membanteras dan menangkis segala ajaran-ajaran yang tidak sealiran dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai menyahut seruan Allah SWT, selari

dengan konsep tolong menolong dalam membuat perkara kebajikan dan takwa.

Firman Allah SWT:

وَإِنْ تُطِيعْ أَكْثَرُ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ۗ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا
يَخْرُصُونَ

Maksudnya: “Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تک س خطہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com